



**JABATAN TENAGA RAKYAT
ARAHAN KETUA PENGARAH TENAGA RAKYAT
DIBAWAH SEKSYEN 23 AKTA AGENSI PEKERJAAN
SWASTA 1981
(AKTA 246) BIL 1/97**

**PERTUKARAN MANDATORI NAMA SEMUA AGENSI
PEKERJAAN SWASTAYANG TELAH BERDAFTAR DI BAWAH
AKTA 246 KEPADA
“AGENSI PEKERJAAN”**

TUJUAN

1. Arahan Ketua Pengarah ini bertujuan untuk memperkemas dan memastikan semua syarikat/ perkongsian/agensi/individu yang memegang lesen sebagai agensi pekerjaan swasta menjalankan aktiviti-aktiviti yang diperuntukkan di bawah Akta 246 dan akan menggambarkan dengan jelas aktiviti utama syarikat/ perkongsian/ agensi/ individu tersebut.

PERLAKSANAAN


2. Semua syarikat/perkongsian/agensi/individu yang telah berdaftar dan memegang lesen untuk menjalankan urusan seperti yang dibenarkan oleh Akta 246 adalah diarahkan supaya menambahkan perkataan ‘Agensi Pekerjaan’ kepada nama syarikat/perkongsian/agensi/individu yang digunakan sekarang.

3. Arahan ini hendaklah berkuatkuasa serta merta dan semua syarikat/ perkongsian/agensi/individu adalah diberi tempoh masa seminggutariikh membaharui lesen tahun berikutnya untuk mematuhi arahan ini supaya pertukaran nama tersebut boleh dipohon daripada pihak berkuasa yang berkaitan.

4. Kegagalan untuk mematuhi Arahan ini kan mengakibatkan tindakan undangundang diambil di bawah Akta 246 tanpa sebarang notis.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Zainol Abidin B. Abd. Rashid', written over a light blue background.

(DATO' ZAINOL ABIDIN B. ABD. RASHID)
Ketua Pengarah Tenaga Rakyat

Tarikh: 1 Ogos 1997